



**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA**

**SURAT ARAHAN PENGARAH INSTUN BILANGAN 2 TAHUN 2015**

**GARIS PANDUAN KAKITANGAN INSTUN YANG MENGHADIRI KURSUS DALAMAN DI  
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Melalui Mesyuarat Pengurusan INSTUN Bil 3 Tahun 2015 memutuskan bagi mengeluarkan satu Surat Arahan Pengarah mengenai Garis Panduan Kakitangan INSTUN yang menghadiri kursus di dalaman INSTUN sepermula yang terdapat di dalam buku Program Latihan INSTUN.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah ditubuhkan pada 1 Mei 1998 atas arahan Jemaah Menteri pada 19 Julai 1997. Penubuhan INSTUN adalah merupakan gabungan Seksyen Latihan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Seksyen Latihan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). INSTUN merupakan sebuah institut yang menyediakan latihan dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan.
- 2.2 Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang telah menggariskan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menyatakan bahawa tanggungjawab setiap Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan hendaklah

memastikan anggota masing-masing di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun.

- 2.3 Bagi menyokong dasar tersebut INSTUN sebagai salah satu institusi latihan menggalakkan kakitangan INSTUN menghadiri kursus dalaman yang dianjurkan oleh jabatan sendiri sepetimana yang terdapat dalam buku latihan program INSTUN.

### **3. GARIS PANDUAN KAKITANGAN INSTUN YANG MENGHADIRI KURSUS DALAMAN INSTUN**

#### **3.1 Pengecualian Mengetik Kad Perakam Waktu**

Pegawai INSTUN yang berkursus di dalam kawasan INSTUN diberi kebenaran untuk tidak mengetik kad perakam waktu sepanjang hari berkursus. Walaubagaimanapun pegawai dikehendaki menandatangi borang kehadiran kursus yang disediakan oleh urusetia kursus sebagai bukti kehadiran pegawai dan juga menyatakannya dalam catatan Kad Perakam Waktu.

#### **3.2 Pengecualian Bayaran Yuran Kursus**

**Semua pegawai INSTUN yang berkursus di INSTUN dikecualikan dari membayar yuran kursus berjumlah RM30.00 sepetimana yang dikenakan kepada peserta kursus dari luar INSTUN.**

#### **3.3 Kemudahan Penginapan dan Makan Minum Sepanjang Berkursus**

**Kemudahan penginapan tidak disediakan kepada Kakitangan INSTUN yang berkursus di INSTUN dan disediakan makan minum sepanjang berkursus sepetimana peserta kursus dari luar INSTUN namun penyediaan makan dan**

minum akan disediakan sepanjang kursus tertakluk kepada peruntukan semasa Kewangan INSTUN.

### **3.4 Tuntutan Kewangan**

Pegawai tidak layak menuntut apa-apa tuntutan sepanjang berkursus di dalam kawasan pejabat/INSTUN.

## **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1 Surat Arahan Pengarah ini berkuatkuasa mulai **Julai 2015**

## **5. PEMAKAIAN**

5.1 Surat Arahan Pengarah ini digunakan oleh semua pegawai di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(MOHD 'ASHRAF BIN MOHD NOOR)

PENGARAH  
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Tarikh : Julai 2015